



UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### Offspring memperoleh anugerah kelestarian dari Afrika

---

#### Sorotan Utama:

- Offspring memperoleh anugerah '*Excellence in Superior Quality and Sustainable Organic Baby Products - Malaysia*' di Anugerah Perniagaan Kepimpinan Afrika 2022
- Mengesahkan penerokaan ke Togo dan Nigeria awal tahun ini, serta meningkatkan lagi reputasi Offspring di Afrika, benua paling ramai penduduk dengan kadar kelahiran tertinggi di seluruh dunia

**KUALA LUMPUR, NOVEMBER 14 2022** - SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA") dengan bangganya mengumumkan bahawa anak syarikat 'Sustainable Healthcare', Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring") memenangi anugerah '*Excellence in Superior Quality and Sustainable Organic Baby Products - Malaysia*' (Kecemerlangan dalam Kualiti Unggul dan Produk Bayi Organik Lestari - Malaysia) di '*Africa Leadership Business Awards 2022*' (Anugerah Perniagaan Kepimpinan Afrika 2022) yang diadakan seiring dengan Ekspo Afrika 2022.

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA Datuk Azrin Mohd Noor berkata, "Anugerah yang diberikan kepada Offspring ini adalah satu pengiktirafan yang kami bangga untuk menerima. Pencapaian ini mengesahkan usaha kami berkembang ke Afrika melalui Togo dan Nigeria awal tahun ini, serta menyerlahkan lagi misi SEDANIA dan Offspring untuk meningkatkan kehidupan secara lestari pada skala sebesar mungkin.

"Afrika adalah benua paling ramai penduduk hari ini melalui jumlah penduduk kira-kira 1.4 bilion dan mempunyai kadar kelahiran tertinggi di dunia dengan kira-kira 44 juta kelahiran pada tahun 2021 sahaja. Pada masa kini, masih terdapat banyak ruang untuk Offspring mengembangkan kehadirannya di rantau Afrika, dimana Offspring sudah pasti boleh memainkan peranan penting dalam membantu sebahagian besar ibu bapa di sana memenuhi keutamaan nombor satu mereka iaitu keselamatan kanak-kanak. Sifat mesra alam produk Offspring juga memastikan pasaran pengguna Afrika secara besar-besaran dapat memainkan peranan aktif dalam mengurangkan jejak karbon," kata Datuk Azrin.



Ekspo Afrika, yang berlangsung dari 9-11 November 2022, ialah pameran perdagangan perniagaan-kepada-perniagaan (B2B) pertama yang didedikasikan untuk mempromosikan perdagangan dua hala antara Afrika dan Asia. Majlis anugerah di Ekspo Afrika 2022 mengiktiraf inovasi, keuntungan, dan kecemerlangan perniagaan sambil berusaha untuk memberi inspirasi kepada generasi usahawan dunia yang akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Offspring Mohamed Roslan Ismail menambah, "Peluang untuk menjalin hubungan perniagaan di Ekspo Afrika 2022 dan bonus tambahan memperoleh anugerah yang mengiktiraf kekuatan jenama kami sudah pasti akan meningkatkan reputasi Offspring di kalangan negara-negara di benua Afrika.

"Kami optimis untuk mengembangkan rangkaian pengedaran kami di Afrika, dimana perkembangan positif ini akan menjadi pelengkap yang kukuh untuk strategi perniagaan kami di pasaran yang semakin membangun dengan menyokong perkembangan menjanjikan yang dicapai di Afrika awal tahun ini. Untuk tujuan ini, kami kini berada pada kedudukan yang lebih strategik untuk memperoleh peningkatan yang memberangsangkan dalam pesanan baharu dan dengan itu, mempelbagaikan lagi pendapatan dari perspektif geografi."

Pada April 2022, Offspring membuat penerokaan pertamanya ke Afrika setelah menerima tempahan sulung untuk mengeksport produk penjagaan kesihatan yang lestarinya ke negara-negara Togo dan Nigeria di Afrika. Pencapaian itu mengesahkan dan mengukuhkan lagi aspirasi global Offspring dengan meluaskan kehadirannya ke 23 negara setakat ini, merentasi benua utama seperti Eropah, Amerika Utara dan Asia.

- Tamat -

\*\*\*\*\*

### **Mengenai Offspring Inc Sdn Bhd**

Offspring adalah jenama produk bayi organik premium dan paling pesat berkembang, dengan kini lebih 170 SKU tersedia di 23 negara merangkumi Amerika Syarikat, Eropah, Asia Tenggara dan juga Afrika melalui saluran jualan dalam talian dan kedai runcit terpilih.

Konsumer suka rangkaian produk penjagaan kesihatannya yang lestari seperti lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi, barangan keperluan penjagaan bayi, dan produk isi rumah yang menggunakan bahan berasaskan tumbuhan, organik serta tidak bertoksik. Memandangkan semua produk ini dihasilkan menggunakan bahan yang tidak berbahaya kepada alam sekitar, penggunaan produk-produk tersebut membolehkan kelestarian dengan membantu konsumer memainkan peranan dalam mengurangkan pelepasan karbon.



Selain produknya mesra alam dan berasaskan organik yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga selamat dan lestari seperti yang dibuktikan oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya. Ini termasuk EcoCert, bebas alahan Australia, sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak bertoksik.

Log masuk ke [www.offspringinc.com](http://www.offspringinc.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk penjagaan kesihatan mesra alam kami.

### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad**

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaiaannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

SEDANIA melabur dalam kelestarian tenaga masa depan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 23 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza  
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6017 2407 881  
E-mel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)